

Akta ambil kira kualiti hidup kanak-kanak

KUALA LUMPUR: Akta Kanak-Kanak 2001 yang bakal dipinda dan dibentangkan di Parlimen tahun depan mengambil kira aspek keselamatan dan persekitaran kanak-kanak di negara ini bagi meningkatkan kualiti hidup mereka.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil, berkata Malaysia diiktiraf selamat, namun masih ada yang terdedah dengan pelbagai bentuk keganasan.

"Kita mahu semua kanak-kanak mendapat pembelaan sama dan mereka tidak tertindas serta mengalami penderitaan akibat keganasan rumah tangga dan persekitaran tidak selamat," katanya selepas merasmikan Kempen Rising Above di sini, semalam.

Kempen bagi mengutip derma untuk membantu kanak-kanak yang kurang bernasib baik akibat penderaan dan mangsa bencana alam itu dianjurkan empat pertubuhan bukan kerajaan (NGO) iaitu Yayasan Salam; Proctect and Save The Children Association of Selangor and Kuala Lumpur (PS The Children); Freedom and Fun for Kid dan Force of Nature Aid Foundation.

Shahrizat berkata, kementeriannya sentiasa menggalakkan NGO menganjurkan program yang boleh membantu golongan kurang bernasib baik, kanak-kanak, orang kurang upaya dan miskin.

Serentak pelancaran kempen Rising Above itu, Shahrizat turut melancarkan kutipan derma 'Belanjalah' menerusi khidmat pesanan ringkas (SMS) yang terbuka kepada orang ramai untuk menderma bermula semalam sehingga 4 Disember ini.

Orang ramai mahu menderma boleh menyumbangkan RM5, RM7 dan RM10 dengan menaipkan 5,7,10 dan menghantarkannya ke 32728 (DAPAT).

Shahrizat juga mengumumkan sumbangan RM50,000 daripada kementeriannya bagi menjayakan kempen Rising Above.

Sempena kempen Rising Above, satu tayangan perdana filem *The Red Kebaya* dan makan malam pada 22 November ini.

Penganjur bersama media rasmi kempen The New Straits Times Press (M) Bhd (NSTP) menerusi *New Straits Times*, unit News in Education turut menganjurkan bengkel dan Karnival Kanak-kanak pada minggu kedua dan ketiga November ini di Bangsar Shopping Centre.